

# 'Saya kena berehat tiga minggu'

BH - 12/11/2006

## Doktor arah Dr M hindar daripada lakukan sebarang kegiatan yang boleh jejas kesihatan

**K**UALA LUMPUR: Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad yang kini menerima rawatan di Institut Jantung Negara (IJN) berkata beliau mahu berehat sepenuhnya daripada sebarang kegiatan dalam tempoh beberapa minggu ini termasuk daripada menghadiri Perhimpunan Agung Umno, esok.

"Saya nak rehat... tiada kenyataan apa-apa... harap perhimpunan (Perhimpunan Agung Umno) berjalan dengan baik," katanya dalam temu bual eksklusif dengan Bernama dan RTM semalam, dua hari selepas dimasukkan ke IJN selepas mengadu sakit dada di rumahnya.

Dr Mahathir kelihatan bersemangat sungguhpun keadaannya agak lemah sepanjang temu bual selama 20 minit itu.

Menemani beliau ialah isterinya, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Dr Mahathir berkata, beliau bernasib baik kerana mendapat rawatan awal sebaik saja diserang jantung ringan itu dan ia membolehkan doktor pakar mencairkan pembekuan darah di arteri jantungnya.

"Serangan jantung ringan tapi saya datang awal tiga jam selepas serangan... dia orang (doktor) dapat cairkan pembekuan (clot) tak berlaku 'blockage' walaupun ada kerosakan di tempat lama (arteri).

"Tinggal lagi saya kena rehat sekurang-kurangnya tiga minggu su-

paya kerosakan itu dapat pulih... so far so good... saya tak mahu fikir apa-apa," katanya.

Dr Mahathir yang mencapai usia 81 tahun bulan depan pernah menjalani pembedahan pintasan koronari di IJN pada 1989. Beliau sering melakukan pemeriksaan kesihatan susulan di institut itu. Kali terakhir beliau dimasukkan ke IJN Disember tahun lalu bagi rawatan susulan.

Dr Mahathir berkata, doktor menasihatkan beliau berehat sepenuhnya dan tidak melakukan atau memikirkan sebarang aktiviti yang boleh menjejaskan kesihatannya.

"Doktor nasihat supaya saya tidak aktif, kena bersenam dan jaga makan sentiasa... terasa ingin nak menulis tapi doktor tak bagi... ingat nak bawa beg... nak buat kerja sikit... ditegah (oleh doktor)... kita kena ikut nasihat doktor," katanya.

Menceritakan rentetan jadual pاداتnya terutama seminggu lalu sehingga menjejaskan kesihatannya, Dr Mahathir mengakui ia agak keterlaluan dan itulah yang menyebabkan beliau mengalami sakit dada.

"Saya memang perlu jalan jauh dan selalunya saya bekerja... tapi pagi Sabtu lalu saya pergi naik kuda lama juga... lepas tu saya terbang ke Arab Saudi.

"Sampai Arab Saudi jam 11 malam waktu Malaysia dan di sana saya ada majlis dihadiri Raja Arab Saudi... lepas itu jam 7 pagi waktu Malaysia

terbang balik ke sini, tidur dalam kapal terbang.

"Sampai di sini selepas satu setengah jam saya hadiri satu majlis pembukaan sebuah syarikat dan lepas itu menghadiri majlis makan malam sampai jam 12 malam dan tidur jam 1 pagi.

"Jam 8 pagi saya terbang New Zealand dan sampai 11 malam waktu tempatan dan berada sepanjang hari di sana bagi ucapan tiga kali dan sidang media selama satu jam," katanya.

Dr Mahathir berkata, beliau kemudian berlepas pulang pada Rabu dan tiba pada jam 5 petang dan dua jam kemudian menghadiri jamuan rumah terbuka Aidilfitri anaknya sehingga jam 11.30 malam dan ketika hendak tidur beliau mengalami sakit dada.

Beliau mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang mendoakan kesihatannya, termasuk yang membuat sembahyang hajat supaya beliau cepat sembuh.

"Doa serta kata-kata semangat ini bagi saya amat tinggi nilainya dan saya ucapkan terima kasih," katanya.

Mengenai kunjungan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi kepadanya pada hari pertama beliau dimasukkan ke IJN, Dr Mahathir mengucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri kerana mengambil berat dan datang mengunjunginya sungguhpun pada waktu itu beliau (Dr Mahathir) belum sedar selepas doktor

**“Doktor nasihat supaya saya tidak aktif, kena bersenam dan jaga makan sentiasa...”**

**Dr Mahathir Mohamad**  
Bekas Perdana Menteri

memberikannya ubat sedatif ringan.

Sementara itu, Dr Siti Hasmah berkata, beliau tidak panik dengan keadaan Dr Mahathir kerana ia bukan kali pertama suaminya mengalami serangan sakit jantung.

"Berbanding pengalaman saya pada 1989 pertama kali Tun dapat serangan jantung, kali ini keadaannya kurang tak seperti dulu.

"Dahulu agak panik... kali ini keadaan serupa tapi tak panik... saya dah tahu apa nak buat. Sebaik saja ber-

laku saya panggil Dr Nasir (Datuk Dr Nasir Muda, doktor IJN) datang ke rumah... saya tahu apa yang berlaku... saya beritahu anak serta pemandu supaya bersiap sedia.

Mengenai pemakanan suaminya, Dr Siti Hasmah berkata, diet suaminya memang diatur tukang masak di rumah mereka.

"Sebelum serangan ini Tun menjalani diet sayur-sayuran dan sampai sekarang dietnya sama juga," katanya. - Bernama